

Newspaper	Berita Harian
Date	27 July 2015

# Muhyiddin sokong laporan interim jadi dokumen awam

» Kandungan mampu rungkai kekeliruan rakyat, pulih keyakinan kepada BN

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur



Muhyiddin ketika berucap pada majlis perasmian penutup mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Cheras 2015, malam tadi. [FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, beliau tiada halangan jika laporan interim berhubung Malaysia Development Berhad (IMDB) dijadikan dokumen awam, bagi merungkai kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tujuannya bagi membolehkan segala persepsi dan khabar angin dalam kalangan rakyat berhubung itu itu terjawab, sekali gus mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) dan UMNO.

Beliau berkata, penubuhan pasukan khas siasatan adalah sesuatu yang dipersetujui dengan siasatan dilakukan tanpa sebarang gangguan.

"Jika mahu laporan interim IMDB dijadikan dokumen

awam, saya tiada halangan. Eloklah disegerakan.

"Ada benda yang boleh dipertahankan, maka kita pertahankan sekiranya ia di landasan yang benar, tetapi jika ia sebaliknya, kita tidak akan pertahankan. Rakyat tidak bodoh.

## Mahu UMNO terus kukuh

"Saya tiada niat jahat atau berselindung kononnya mahu jatuhkan Perdana Menteri melalui penubuhan pasukan penyiasat. Apa yang saya laicukan adalah kerana mahu memastikan UMNO terus kukuh mendapat kepercayaan

rakyat dan ahli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Cheras 2015 di sini, malam tadi. Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, masalah yang dihadapi ketika ini tidak akan timbul sekiranya IMDB tidak wujud dan sekarang ia menjadi beban semua pihak.

Katanya, beliau tidak mempunyai sebarang niat untuk

mewujudkan sebarang pertembungan dengan Datuk Seri Najib Razak demi perpaduan parti dan ramai pihak mahu kan UMNO kecundang.

"Saya bercakap benda yang benar, saya tidak takut kedudukan tergugat kerana apabila ada isu serius yang memerlukan pembetulan, saya tidak boleh tipu maka saya kena cakap benda yang benar.

"Apabila saya nasihat, maka itu adalah hak seseorang untuk ikut nasihat terbabit atau tidak, kerana jika tidak ikut, mungkin seseorang itu rasa itu tidak penting," katanya.